



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES

Edition: 15/2025

APB REMBAU E-BULLETIN

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Prof. Madya Dr Norwati Hj
Roslim

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke,
Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Khairon Nisa Shafeei
Shahrul Muhazad Shahrudin
Nadiah Yahyauddin

e-ISSN: 2682-776X

MUFLIS DIKALANGAN GENERASI MUDA DI MALAYSIA

Ditulis oleh: Azila Sahrim, Dr. Asiah Ali, Nurain Farahana Zainal Abidin, Masharul Hayati Kamarulzaman, Dr. Asma' Rashidah Idris

Muflis, atau didefininasikan sebagai “*tidak sanggup (berupaya) membayar hutang, bankrap*” (*Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*), boleh dikaitkan dengan istilah kebangkrutan, yang merujuk kepada satu proses di mana seorang penghutang diisytiharkan sebagai bankrap melalui perintah mahkamah atas petisyen pemiutang atau petisyen penghutang sendiri. Segala harta kepunyaan bankrap yang tidak bercagar adalah terletak hak kepada Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) dan KPI bertanggungjawab untuk menghasilkan semua harta tersebut. Hasil jualan harta akan diagihkan kepada pemiutang yang telah memfailkan borang bukti hutang dan bukti hutang tersebut telah diperakukan oleh KPI. (*Jabatan Insolvensi Malaysia*).

Setiap tahun, Jabatan Insolvensi Malaysia akan menyimpan rekod bilangan penghutang yang diisytihar muflis oleh

pihak mahkamah. Namun begitu, apa yang ingin dibahaskan disini adalah berkenaan penghutang yang diisytihar muflis oleh mahkamah pada usia mereka yang belum mencapai 35 tahun. Berdasarkan statistik didalam *Jadual 1*, terdapat pola tidak sekata di mana terdapat kenaikan dan penurunan bilangan kes kebangkrutan dari tahun 2021 sehingga Januari 2025 bagi golongan umur 35 tahun ke bawah.

Perkara ini amat membimbangkan terutama bagi penghutang yang berumur 25 tahun kebawah, dimana mereka ini rata-rata baru sahaja memasuki alam pekerjaan, namun telah terpalit dengan status yang boleh memberi titik hitam pada rekod kewangan mereka.

**(A) STATISTIK KES KEBANKRAPAN MENGIKUT GOLONGAN UMUR DARI
TAHUN 2021 HINGGA BULAN JANUARI 2025**

GOLONGAN UMUR	TAHUN					JUMLAH	PERATUS
	2021	2022	2023	2024	2025		
DI BAWAH UMUR 25 TAHUN	20	11	16	15	0	62	0.26
25-34 TAHUN	1,060	759	711	862	56	3,448	14.68

Jadual 1: Statistik Kes Kebankrapan Mengikut Golongan Umur Dari Tahun 2021 Hingga Januari 2025

(Sumber: Statistik Kebankrapan 2025, Portal Rasmi Jabatan Insolvency Malaysia)

Bagaimana perkara ini boleh berlaku?

Menurut Jabatan Insolvency Malaysia, berdasarkan data dalam *Jadual 2*, terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan penghutang akhirnya diisytihar muflis. Antaranya adalah kerana pinjaman peribadi, pinjaman kenderaan, pinjaman perumahan, penggunaan kad kredit yang tidak terkawal dan keberhutangan yang lain. Selain daripada

itu, terdapat juga faktor lain seperti mempunyai gaya hidup di luar kemampuan akibat dari pengaruh media sosial. Penghutang yang berusia dibawah 35 tahun berkemungkinan tidak membuat perancangan kewangan teliti sebelum membuat sebarang pinjaman. Mereka juga tidak mendapat khidmat nasihat yang sepatutnya dari pihak yang lebih arif dalam bidang pengurusan kewangan.

**(D) STATISTIK KES KEBANKRAPAN MENGIKUT SEBAB KEBANKRAPAN
DARI TAHUN 2021 HINGGA BULAN JANUARI 2025**

KATEGORI KEBANKRAPAN	TAHUN					JUMLAH	PERATUS
	2021	2022	2023	2024	2025		
PINJAMAN PERIBADI	3,267	2,688	2,225	2,776	213	11,169	47.55
PINJAMAN PERNIAGAAN	1,202	1,241	1,051	1,148	70	4,712	20.06
SEWABELI KENDERAAN	690	441	321	444	42	1,938	8.25
PINJAMAN PERUMAHAN	459	491	428	474	33	1,885	8.02
HUTANG KAD KREDIT	438	207	92	89	6	832	3.54
KEBERHUTANGAN YANG LAIN	126	187	351	463	16	1,143	4.87
HUTANG CUKAI PENDAPATAN	147	153	102	110	17	529	2.25
PENJAMIN KORPORAT	118	159	185	383	41	886	3.77
CARUMAN KWSP	92	110	49	77	17	345	1.47
BIASISWA / PINJAMAN PELAJARAN	15	18	6	9	0	48	0.20
PENJAMIN SOSIAL	0	0	0	4	0	4	0.02
JUMLAH	6,554	5,695	4,810	5,977	455	23,491	100.00

Jadual 2: Statistik Kes Kebankrapan Mengikut Sebab Kebankrapan Dari Tahun 2021 Hingga Januari 2025

(Sumber: Statistik Kebankrapan 2025, Portal Rasmi Jabatan Insolvency Malaysia)

Apakah kesan kebangkrutan pada usia muda?

Terdapat pelbagai kesan kebangkrutan pada usia muda. Dari segi ekonomi, penghutang akan mempunyai kesusahan untuk membuat pinjaman lain apabila mereka amat memerlukannya. Contohnya, sekiranya mereka berminat untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi, mereka akan mempunyai masalah untuk membuat pinjaman PTPTN atau pinjaman peribadi untuk menyambung pelajaran. Mereka juga berkemungkinan kehilangan harta peribadi seperti kenderaan atau aset milikan sendiri

kerana dijual oleh pihak pemiutang. Dari segi psikologi pula, penghutang muda ini akan mengalami tekanan berat yang boleh menjurus kepada depresi dan jika tidak mendapat rawatan yang sesuai, ia boleh mengakibatkan berlakunya perkara yang tidak diingini seperti mereka akan cuba mencederakan diri sendiri dan orang disekeliling mereka.

Apakah langkah pencegahan yang boleh diambil?

Kebankrapan pada usia muda boleh dicegah dengan mendapatkan pandangan

dari perancang kewangan bertaualiah dan mendapatkan informasi selengkapanya mengenai perancangan kewangan yang baik sebelum membuat sebarang pinjaman. Selain daripada itu, setelah berada di dalam alam pekerjaan, generasi muda boleh berjinak-jinak dengan skim simpanan dan pelaburan yang selamat seperti ASB dan simpanan tetap (fixed deposit) supaya ini boleh dijadikan sebagai pelan kontingensi sekiranya terdapat sebarang masalah dengan pinjaman mereka di masa hadapan. Generasi muda juga perlu belajar untuk berbelanja secara berhemah, tidak terlalu mengikut gaya hidup mewah yang dipengaruhi oleh media sosial.

Kesimpulan

Pengetahuan mengenai perancangan kewangan yang bijak amat penting untuk dipelajari oleh setiap generasi muda dan generasi akan datang bagi mencegah mereka dari terjerumus ke dalam kebangkrupan di usia muda. Pada

pendapat kami, satu program mengenai perancangan kewangan perlu diperkenalkan di peringkat sekolah menengah supaya para pelajar mendapat pendedahan awal mengenai cara perancangan dan pengurusan kewangan yang baik. Program ini perlu dijadikan program wajib supaya tiada pelajar yang ketinggalan dari mendapat pendedahan yang sewajarnya. Pihak sekolah boleh berkolaborasi dengan agensi - agensi kerajaan seperti AKPK, Jabatan Insolvensi, dan agensi-agensi lain seperti institusi perbankan, institusi pelaburan dan juga institusi pengajian tinggi bagi menjayakan program tersebut. Ini kerana agensi-agensi berikut mampu berkongsi ilmu pengetahuan mengenai pengurusan kewangan kepada para pelajar di sekolah menengah dan memberi pendedahan awal kepada mereka. Dengan adanya program seperti ini, ia dapat membantu mengurangkan bilangan generasi muda yang diisytihar muflis pada tahun-tahun yang mendatang.

Sumber:

(<https://www.mdi.gov.my>, Portal Rasmi Jabatan Insolvensi Malaysia)

(<https://prpm.dbp.gov.my>, Portal Rasmi Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka)